

17 FEB 2000

Mahkamah-Anwar

ESOK MAHKAMAH TENTUKAN SOAL KEHADIRAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini akan membuat keputusan esok sama ada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu hadir sebagai saksi dalam perbicaraan kes liwat melibatkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakim Datuk Arifin Jaka berkata beliau akan menetapkan sama ada Perdana Menteri perlu memohon sendiri untuk mengetepikan sapina yang dikeluarkan kepadanya oleh pihak pembelaan dalam kes itu.

Katanya beliau akan mendengar isu mengenai kewajaran yang dibangkitkan semalam oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail sebelum membuat keputusan itu.

"Jika saya memutuskan demikian, saya akan mengarahkan saksi (Dr Mahathir) mengemukakan permohonan (untuk ketepikan sapina), dan jika tidak perlu, saya akan teruskan dengan Seksyen 136 (Akta Keterangan)," kata Arifin.

Beliau berkata demikian selepas mendengar penghujahan daripada kedua-dua pihak berhubung isu awal yang dibangkitkan oleh peguam Anwar apabila Gani memohon penggunaan Seksyen 136 yang menyentuh soal kewajaran, sebelum memanggil Perdana Menteri sebagai saksi dalam perbicaraan itu.

Dr Mahathir dijangka hadir di mahkamah hari ini berdasarkan sapina yang dikeluarkan kepadanya pada Oktober lepas tetapi pihak pendakwaan membantah dengan berkata mahkamah harus memustuskan dahulu kewajarannya sebelum memanggil beliau sebagai saksi.

Anwar, 52, dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, dituduh secara berasingan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini pada 7.45 malam antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan iaitu bersubahat dengan Anwar meliwat Azizan, bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail di tempat dan pada masa yang sama.

Beliau memohon kepada mahkamah Oktober lepas supaya mengeluarkan sapina kepada Dr Mahathir menjadi saksinya.

Sebelum itu, Karpal Singh yang mewakili Anwar, berkata bekas timbalan perdana menteri itu telah memohon memanggil Dr Mahathir sebagai saksi.

"Kami perlukan kehadiran Dr Mahathir bukan sebagai Perdana Menteri tetapi sebagai Dr Mahathir," katanya.

Karpal berkata pembelaan memanggil Dr Mahathir dalam kapasitinya sendiri dan kerajaan tiada kaitan dengan sapina yang dikeluarkan itu.

"Perdana Menteri perlu melantik seorang peguam sendiri untuk mengetepikan sapina berkenaan," katanya ketika membantah tindakan Gani yang mahukan mahkamah mengguna Seksyen 136 itu untuk memutuskan sama ada keterangan Dr Mahathir perlu dalam kes itu.

Karpal juga berkata Gani tidak mempunyai locus standi untuk mempertahankan Perdana Menteri.

Katanya Seksyen 136 tidak boleh digunakan kerana ia hanya menyentuh mengenai sama ada keterangan boleh diterima atau tidak dan bukannya mengenai seseorang saksi itu boleh dipanggil.

"Dalam kes ini, sapina itu perlu diketepikan tetapi permohonan perlu dibuat dahulu. Orang yang berkaitan perlu membuat permohonan itu dan bukannya pihak pendakwaan atau pembelaan. Prosedur harus diikuti," katanya.

Gani menjawab : "Saya bukan bertindak bagi pihak Perdana Menteri. Saya bertindak sebagai seorang Timbalan Pendakwa Raya."

Beliau berkata dalam kes ini, permohonan (mengetepikan) itu perlu dibuat kerana pihak pendakwaan memohon agar mahkamah melihat seksyen berkenaan.

Gani berkata mahkamah perlu menimbang soal kewajaran itu kerana dalam kes

Sukma, tidak ada bukti yang mengaitkan Dr Mahathir dengan tertuduh.

"Tidak ada keterangan menunjukkan perdana menteri adalah saksi penting kes liwat ini. Beliau tidak berada di tempat kejadian," katanya.

Karpal berkata pihak pembelaan berhak mendapatkan keterangan dan bukannya bagi mahkamah bertanya keterangan apa yang Dr Mahathir akan berikan.

"Ianya antara kami dan PM, dan bukannya bagi pendakwaan untuk berkata Dr Mahathir tidak boleh memberikan keterangan penting," katanya.

Pada perbicaraan sesi pagi, mahkamah terus mendengar keterangan DSP Zull Aznam Harun yang disoal balas oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Azahar Mohamed.

Azahar bagaimanapun tidak meneruskan prosiding untuk mencabar kebolehpercayaan keterangan bekas juruiring Anwar itu sebagaimana yang dimaklumkan kepada mahkamah semalam.

Semalam, Azahar memberitahu mahkamah bahawa pendakwaan akan mengkaji sama ada pendakwaan akan mencabar kebolehpercayaan keterangan Zull Aznam yang dikatakan bercanggah dengan kenyataannya kepada polis.

Semasa disoal balas oleh peguam bela Christopher Fernando, Zull Aznam berkata beliau akan memberi maklumat berhubung apa yang dinyatakan oleh Azizan sekiranya beliau disoal oleh polis mengenai perkara itu semasa memberi kenyataan.

-- BERNAMA  
sbb nhd mai